



Anwar bersama barisan kepimpinan baharu PKR pada Kongres Nasional PKR 2024/2025 di Johor Bahru, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia bebas jalin kerjasama

BERITA HARIAN 25 MAY 2025

m/s 2

Anwar tegaskan konflik tarif tak jejakkan hubungan dengan semua rakan dagang

Oleh Mohamed Farid Noh, Latifah Arifin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia kekal menjadi negara yang bebas, berdaulat dan berhak bekerjasama dengan mana-mana negara luar demi kepentingan rakyat.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, Malaysia kekal bersejambatan dengan Amerika Syari-

kat (AS) kerana rakan dagang paling kukuh, sekali gus memberikan pelaburan paling tinggi ke negara ini, meskipun isu tarif AS membelenggu negara antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia tetap menangani masalah tarif itu dengan berunding bersama beberapa negara, termasuk China, Korea dan Jepun bagi menyuarakan hasrat yang jelas mengenai isu berkenaan.

"Semalam (Khamis) Majlis Perniagaan AS-ASEAN dengan pelabur tertinggi menemui saya dan mereka memaklumkan apa pun pertembungan dan permasalahan tarif serta geopolitik, mereka tetap menggesa syarikat mereka terus kekal berkembang di negara ini.

"Malah, rundingan bersama Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan negara ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur juga adakan kesepakatan bagi

meneruskan rundingan bilateral, tetapi dengan pendirian ASEAN yang jelas.

"Kita sepakat menolak unilateralism, mendukung multilateralism serta menangani masalah tarif ini dengan suara yang jelas menerusi bekerjasama antara kita," katanya ketika ucapan Dasar Presiden sempena Kongres Nasional PKR 2024/2025, di sini, malam kelmarin.

Bina kekuatan dalaman

Mengulas lanjut, Anwar berkata, dalam mengatasi isu tarif dikenakan Presiden AS, Donald Trump, Malaysia perlu terus bergerak membina kekuatan secara dalaman.

"Seperti saya sebut, jangan kita tentang keputusan tarif (sebaliknya) kita kena bina kekuatan dalaman seperti politik harus stabil, dasar perlu jelas, pimpinan politik, penjawat awam dan sektor syarikat ini harus bekerja

lebih keras untuk menerima sebarang perubahan," katanya.

Sementara itu, berucap pada sesi penggulungan Presiden kongres berkenaan semalam, Perdana Menteri berkata, kerajaan menolak cadangan untuk menaikkan harga petrol RON95 bagi kegunaan rakyat negara ini.

Katanya cadangan menaikkan harga petrol RON95 itu pernah dikemukakan kepada Kabinet, namun beliau menolaknya.

"(Ketika) saya sedang fikirkan isu subsidi petrol RON95, ada yang minta harganya dinaikkan untuk rakyat.

"Namun, saya tak setuju naikan harga petrol RON95 (sebaliknya), boleh diturunkan sedikit demi sedikit mengikut masa dan harga pasaran," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan menaikkan harga RON95 bagi rakyat asing di negara ini.

"Orang asing nikmati tiga hingga empat bilion ringgit bilion subsidi. Mungkin selepas ini nak beli petrol RON95 kena tunjuk kad pengenalan," katanya.

Beliau juga berkata, tiada negara di dunia yang memberi subsidi petrol kepada golongan kaya, termasuk yang memiliki deretan kereta mewah.

Perdana Menteri turut memberi jaminan untuk meneliti semula subsidi gas dan gas asli cecair (LNG).

Katanya, kerajaan akan membaiki isu berkenaan selain gesaan untuk melihat semula e-Invoice.

"E-Invoice kita akan kaji, ia sangat penting untuk negara tidak kehilangan hasil," katanya.

Anwar turut menegur PKR kerana lemah menyampaikan maklumat berkaitan subsidi elektrik kepada rakyat sehingga mereka gagal memahami hasrat kerajaan.